

Headline	Tabungan masa depan		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	05 Feb 2014	Color	Full Color
Section	Bisnes	Circulation	407,786
Page No	41	Readership	3,351,000
Language	Malay	ArticleSize	498 cm ²
Journalist	Hafiz Ithnin	AdValue	RM 18,322
Frequency	Daily	PR Value	RM 54,966



Tabungan masa depan

■ Orang ramai disaran buat simpanan untuk tumpung kos sara hidup dalam jangka masa panjang

Oleh Hafiz Ithnin
dan Sofyan Rizal Ishak
hafizithnin@mediaprima.com.my
Kuala Lumpur

Menabung dilihat sebagai satu langkah yang boleh membantu orang ramai menampung kos sara hidup dan pemilikan aset secara bijak seperti pembelian rumah dengan meletakkan deposit yang tinggi dan persediaan tempoh bersara.

Disebabkan itu orang ramai perlu mencari jenis tabungan sesuai untuk jangka masa panjang ataupun segerhana bagi membantu menampung kos sara hidup.

Ini kerana pada hari ini terdapat instrumen tabungan yang ditawarkan kepada kedua-dua tempoh berkenaan disertai penabung lain atau dikenali sebagai simpanan berkelompok bagi membolehkan pemegang induk tabungan membuat pelaburan serta memberi pulangan kepada penabung.

Penasihat Kewangan Hijrah Wealth Management Sdn Bhd (Hijrah Wealth) Rohani Mohd Shahir berkata, instrumen tabungan yang selalunya disertai orang ramai ialah tabungan dalam Kumpulan Wang Simpanan Perkerja (KWSP), akaun simpanan dan Tabung Haji.

Beliau berkata, walau bagaimanapun ketiga-tiga tabungan ini mempunyai konsep kecairan yang tinggi dalam tabungan kerana wang disimpan boleh dikeluarkan mengikut kehendak penabung itu sendiri.

"Jika kita lihat untuk tabungan di dalam KWSP ialah wang dicarum semasa bekerja apabila tabungan itu diberikan juga oleh syarikat. Seperti yang diketahui, terdapat dua akaun iaitu akaun pertama hanya boleh diluarkan selepas bersara dan kedua pada bila-bila masa mengikut syarat tertentu.

"Begini juga dengan Tabung Haji yang dijadikan tabungan kepada orang ramai untuk menunaikan fardu haji, tetapi ketika ini ia boleh dikeluarkan pada bila-bila masa serta mempunyai pulangan sepanjang tabungan itu dibuat," katanya kepada Bisnes Metro.

Rohani berkata, biasanya dalam konsep tabungan, orang ramai akan membuat simpanan secara sukarela ataupun dilaksanakan secara mandatori. Dalam konsep sukarela kebiasaannya orang ramai meletakkan beberapa

peratus daripada pendapatan mereka ke dalam tabungan seperti Tabung Haji dan akaun simpanan.

Manakala, tabungan mandatori dilakukan oleh KWSP atau potongan pencen bagi kakitangan kerajaan yang mana tabungan mereka turut disertai oleh majikan.

Beliau berkata, orang ramai tidak boleh bergantung sepenuhnya kepada tabungan seperti ini kerana ia mempunyai tahap kecairan yang tinggi untuk transaksi.

"Melihat kepada situasi tabungan hari ini kita boleh menyertai unit amanah yang risiko pelaburannya lebih rendah dan tidak pernah mempunyai rekod pulangan negatif setiap tahun."

"Dengan menyertai unit amanah, orang ramai boleh mengeluarkan wang tabungan pada masa tertentu yang tahap kecairannya tidak tinggi berbanding tiga contoh tabungan berkenaan," katanya.

Unit amanah ialah tabungan dibuat secara berkelompok apabila pelaburan dilaksanakan oleh pengurus dana profesional serta dikawal selia Suruhanjaya Sekuriti serta Bank Negara Malaysia.

Headline	Tabungan masa depan		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	05 Feb 2014	Color	Full Color
Section	Bisnes	Circulation	407,786
Page No	41	Readership	3,351,000
Language	Malay	ArticleSize	498 cm ²
Journalist	Hafiz Ithnin	AdValue	RM 18,322
Frequency	Daily	PR Value	RM 54,966




“ Melihat situasi tabungan hari ini, kita boleh sertai unit amanah yang risiko pelaburannya rendah dan tidak pernah mempunyai rekod pulangan negatif setiap tahun”

Rohani Mohd Shahir

Instrumen tabungan dan amanah Malaysia 2012/2013

Jenis Tabungan	Aghian	
	2012	2013
Amanah Saham Bumiputera	7.70 sen + 1.00 sen (bonus)	7.75 sen + 1.15 (bonus)
Amanah Saham Nasional Berhad	6.45 sen seunit	6.30 sen seunit
Amanah Saham 1 Malaysia	6.70 sen seunit	6.60 sen seunit
Tabung Haji	6 peratus (tahunan) + 2 peratus (bonus)	6.5 peratus (tahunan) + 1.5 peratus (bonus)
Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP)	6.15 peratus	6 peratus
Amaltilikal Fund	2.00 sen seunit	1.00 sen seunit
RHB Bond Fund	6.50 sen seunit	6.50 sen seunit
TA High Growth Fund	3.50 sen seunit	5.00 sen seunit

Headline	Tabungan masa depan		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	05 Feb 2014	Color	Full Color
Section	Bisnes	Circulation	407,786
Page No	41	Readership	3,351,000
Language	Malay	ArticleSize	498 cm ²
Journalist	Hafiz Ithnin	AdValue	RM 18,322
Frequency	Daily	PR Value	RM 54,966



MENABUNG membantu orang ramai menampung kos sara hidup dan pemilikan aset secara bijak.